



- A Baca petikan di bawah. Kemudian, lengkapkan jadual tugas yang berikutnya. **SP2.2.3**

Pada minggu lepas, keluarga Nabila berkumpul untuk makan malam bersama-sama. Semua ahli keluarga ada pada waktu itu. Rumah menjadi meriah dengan pelbagai kerenah ahli keluarga.

Setiap ahli keluarga melakukan persiapan untuk makan malam tersebut. Ayah menyusun atur meja dan kerusi manakala abang memasang alas meja. Ibu memasak lauk-pauk manakala kakak menanak nasi. Nabila pula memotong buah-buahan sebagai pencuci mulut.

Setelah selesai makan malam, mereka membersihkan ruang makan bersama-sama. Abang mengelap meja makan. Ibu dan kakak pula mencuci pinggan mangkuk. Nabila menyapu sampah di ruang makan manakala ayah membuang sampah ke dalam tong sampah di luar rumah.

Jadual Tugas Makan Malam Keluarga Nabila

Ahli keluarga	Sebelum makan	Selepas makan
Ayah		
Ibu		
Abang		
Kakak		
Nabila		

- 8 Baca petikan di bawah. Kemudian, tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (X) bagi pernyataan yang salah. **SP2.2.1 (B)**

Datuk Nasri merupakan seorang pekebun yang berjaya. Beliau merupakan orang pertama membuka kawasan tanaman di kampung. Bermula dengan kawasan hutan sehinggalah menjadi kawasan tanaman yang sangat luas.

Datuk Nasri mengusahakan tanaman jagung madu kerana keadaan tanah di situ yang sesuai. Tanaman jagung jika diurus dengan elok akan mengeluarkan hasil yang lumayan. Oleh itu, Datuk Nasri akan memastikan baja yang digunakan sesuai kerana baja yang elok akan menyebabkan tanaman jagung tumbuh dengan subur.

Hasil tanaman yang telah dipetik akan dibawa ke pasar menggunakan lori. Datuk Nasri bersepakat untuk mengusahakan tanaman jagung bersama keluarganya. Beliau percaya akan pepatah, sepakat membawa berkat.

- 1 Datuk Nasri mengusahakan madu di kawasan hutan. ☐
- 2 Tanaman jagung madu memerlukan bahan yang sesuai untuk tumbuh dengan subur. ☐
- 3 Hasil tanaman jagung madu dijual oleh Datuk Nasri di pasar. ☐
- 4 Tanaman jagung madu yang subur memerlukan tanah yang tidak sesuai. ☐
- 5 Datuk Nasri dibantu oleh ahli keluarganya untuk mengusahakan kebun. ☐
- 6 Datuk Nasri merupakan orang pertama membuka kawasan tanaman di kampung. ☐

- C Baca petikan di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

SPM2.2.2 (ii)

KUALA GANDAH, 20 April – Sekumpulan murid dari Sekolah Kebangsaan Taman Baharu telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Pusat Konservasi Gajah di Kuala Gandah, Pahang. Murid-murid berpeluang melihat pertunjukan dan mendengar penerangan daripada pegawai pusat.

Semua murid boleh berinteraksi dengan gajah yang terdapat di pusat tersebut. Rata-rata murid berasa bertuah atas peluang yang diberi tersebut. Namun, setelah mengetahui keadaan sebenar tentang gajah, murid-murid berasa hiba dan kecewa. Kebanyakan gajah yang ditempatkan di situ merupakan gajah yang sakit dan cedera akibat perbuatan manusia yang tamak.

Lawatan diakhiri dengan persembahan amal murid-murid bagi memperoleh dana daripada pengunjung. Dana tersebut telah disalurkan kepada pusat tersebut.

- 1 Lawatan sambil belajar oleh murid-murid Sekolah Kebangsaan Taman Baharu telah diadakan di _____
- 2 Apakah aktiviti yang disediakan oleh Pusat Konservasi Gajah itu?

- 3 Apakah yang dilakukan oleh murid-murid untuk mengumpul dana?

- 4 Perkataan *tamak* dalam petikan di atas boleh digantikan dengan
A rugi.
B cuai.
C haloba.
D rasuah.

- D** Gariskan dan tulis dalam jadual kata nama khas dan am yang terdapat dalam ayat di bawah. **SP5.1.1 (10/20)**

- 1 Nasri mencuba baju yang baru dibeli oleh ibu.
- 2 Kami menaiki bas ekspres untuk bercuti di Pulau Pinang.
- 3 Doktor Harjeet bertugas merawat pesakit di Hospital Serdang.
- 4 Farid mengikuti lawatan ke Pulau Langkawi dengan menaiki feri.
- 5 Kapal terbang itu mendarat di Lapangan Terbang Kuala Lumpur.
- 6 Kami pulang ke Kampung Sebatang untuk menolong datuk di kebun.
- 7 Pak Cik Moin menggunakan mesin tebu untuk mendapatkan air tebu.
- 8 Nabila berasa sungguh sedih kerana kehilangan anab peliharaannya.

	Kata nama am	Kata nama khas
1		
2		
3		
4		
5		
6		
7		
8		